

Tiga perspektif penting diutamakan — Datuk Ajib

KLUANG, Ahad

SEMUA pegawai urusan tanah disyor supaya menitik-beratkan tiga perspektif penting — perundangan, pentadbiran dan pembangunan — bagi meningkatkan mutu perkhidmatan mereka.

Cuma dengan pandangan begitu, kata Menteri Besar Johor, Datuk Ajib Ahmad, barulah para pegawai itu dapat menukar imej pejabat tanah dari sebuah pejabat yang kucar-kacir kepada satu jabatan kerajaan yang berjiwa rakyat dan berjiwa pembangunan.

Katanya, gambaran fail-fail buruk yang berdebu dan terbiar di pejabat-pejabat tanah kerana tidak diproses mesti dihapuskan segera, jika mereka ingin mendapat kepercayaan rakyat.

Datuk Ajib berkata, meskipun beliau sedar bahawa soal pentadbiran tanah kini semakin rumit dan mencabar, ara pegawai urusan tanah tidak mempunyai pilihan selain dari berusaha mengatasinya dari tiga perspektif yang disebutkan itu.

Beliau berkata demikian ke-



Datuk Ajib Ahmad

tika merasmikan kursus pentadbiran tanah di kampus Wilayah Selatan Institut Tadbiran Awam Negara (intan) di sini semalam bagi para pegawai urusan tanah dari Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan.

Antara lain, kursus seminggu itu bertujuan untuk memberi peluang kepada para pegawai urusan tanah negeri-negeri itu mengkaji semula beberapa aspek perundangan ta-

nah yang tidak sesuai dan memikirkan cara-cara mengatasinya.

Menurutnya, menerusi sistem pengurusan tanah yang bebas dari kongkongan masalah perundangan akan menjalin kerja-kerja urusan tanah dapat diselesaikan lebih cepat dan berkesan.

Di samping itu, kata Datuk Ajib, dari segi pentadbiran para pegawai itu mestilah berani melaksanakan cara-cara baru mempercepatkan proses permohonan tanah dan juga memperbaiki sistem pungutan cukai.

"Kita mesti wujudkan satu pentadbiran yang dinamik dan boleh diubahsuai mengikut keperluan semasa," katanya.

Sementara ditinjau dari perspektif pembangunan pula, para pegawai urusan tanah mestilah menjalankan tugas mereka dengan kesedaran bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

"Untuk itu, kita berharap para pegawai urusan tanah tidak bersifat amatour atau mempunyai pengetahuan umum sahaja mengenai masalah urusan tanah.

"Meeka haruslah bersikap profesional," ujarnya.